

## **RISALAH MAKLUMAT PESAKIT [ACARBOSE]**

### **Apakah kegunaan ubat ini?**

Acarbose digunakan dalam rawatan kencing manis. Ubat ini berfungsi bersama perubahan gaya hidup, seperti mengamalkan diet yang sihat dan senaman yang kerap, untuk mengurangkan paras gula dalam darah. Ubat ini berfungsi dengan memperlahankan pemecahan karbohidrat yang diperolehi daripada diet kita kepada gula ringkas. Karbohidrat adalah sejenis nutrien yang terdapat dalam makanan berkanji seperti roti, mi, kentang dan nasi. Penyerapan gula dari sistem penghadaman menjadi perlahan dan ini menghalang kenaikan paras gula darah selepas makan.

### **Bagaimanakah harus saya mengambil/menggunakan ubat ini?**

Telan seluruh biji dengan segelas air sejurus sebelum makan atau kunyah biji dengan suapan pertama makanan.

### **Apakah perlu saya lakukan jika saya terlupa mengambil/menggunakan ubat ini?**

Jika anda terlepas satu dos, ambil dos berikut anda sejurus sebelum hidangan seterusnya dan langkau dos yang anda terlepas.

Jangan gandakan dos anda atau ambil ubat tambahan untuk menggantikan dos yang terlepas.

### **Apakah langkah berjaga-jaga yang perlu saya ambil?**

Beritahu profesional penjagaan kesihatan anda jika anda:

- Aalah kepada ubat ini atau sebarang bahan lain di dalam ubat ini
- Sedang hamil, merancang untuk hamil, atau menyusukan
- Mempunyai sebarang masalah jantung, buah pinggang atau hati
- Kerap minum minuman keras
- Mempunyai gangguan usus kronik seperti halangan usus berulang, penyakit radang usus

Jika doktor anda memberitahu anda bahawa anda perlu melakukan ujian darah yang memerlukan anda berpuasa, langkau ubat anda sehingga selepas darah anda diambil dan anda sedia untuk makan.

### **Apakah beberapa kesan sampingan yang lazim bagi ubat ini?**

Dapatkan nasihat profesional penjagaan kesihatan anda jika sebarang kesan sampingan menjadi teruk dan menyusahkan.

Kesan sampingan Acarbose yang lazim termasuk:

- Flatulens (buang gas atau angin)

- Perut tidak selesa, kembung perut
- Cirit-birit

### **Apakah beberapa kesan sampingan yang jarang berlaku tetapi serius yang memerlukan saya mendapatkan nasihat perubatan dengan segera?**

Gejala alahan ubat termasuk satu atau lebih daripada yang berikut:

- Muka/mata/bibir/lidah bengkak
- Kesukaran bernafas
- Ruam kulit yang gatal pada seluruh badan anda

Jika anda mengalami mana-mana gejala ini, anda harus berhenti mengambil ubat anda dan berjumpa dengan profesional penjagaan kesihatan anda dengan segera.

Jika kesan sampingan yang serius berikut berlaku, anda harus berjumpa dengan profesional penjagaan kesihatan anda dengan segera:

- Masalah hati: Air kencing berwarna gelap atau najis berwarna cerah, mata atau kulit anda menjadi kuning, kehilangan selera makan yang teruk, sakit perut, rasa loya, atau muntah-muntah yang tidak berhenti-henti

### **Apakah makanan atau ubat yang harus saya elakkan apabila saya mengambil/menggunakan ubat ini?**

Elakkan minum minuman keras dengan ubat ini kerana ini boleh meningkatkan risiko anda mengalami paras gula darah yang rendah.

Elakkan makanan dan minuman yang mengandungi sukrosa atau gula tebu semasa anda menggunakan ubat ini, kerana ubat ini selalunya boleh menyebabkan ketidakselesaan perut dan cirit-birit akibat daripada peningkatan pemecahan karbohidrat dalam usus besar.

### **Bagaimanakah harus saya simpan ubat ini?**

Simpan di tempat yang terlindung dan kering, jauh daripada sinaran langsung matahari. Jauhkan ubat ini daripada kanak-kanak.

### **Bagaimanakah harus saya buang ubat ini dengan selamat?**

Bungkuskan ubat ini dalam beg sampah hitam dan ikat ketat sebelum membuangnya ke dalam tong sampah.

### **Penafian**

*Sila ambil perhatian bahawa maklumat yang diberikan di atas bukan senarai lengkap semua kemungkinan kesan sampingan. Jika anda mempunyai kebimbangan mengenai ubat atau anda mengalami kesan sampingan lain yang anda fikir disebabkan oleh ubat ini, sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda.*

*Jika anda mengambil lebih daripada dos yang disyorkan, sila dapatkan nasihat perubatan dengan segera. Maklumat yang diberikan di halaman ini tidak menggantikan maklumat daripada profesional penjagaan kesihatan anda. Sila rujuk kepada profesional penjagaan kesihatan anda untuk mendapatkan maklumat lanjut.*

*Rencana ini dihasilkan secara bersama oleh para anggota kumpulan kerja Maklumat Ubat Kebangsaan (NMI), dan disokong oleh Kementerian Kesihatan. Kumpulan kerja ini terdiri daripada rakan kongsi kelompok (National Healthcare Group, Sistem Kesihatan Universiti Nasional dan SingHealth), farmasi masyarakat (Guardian, Unity dan Watsons) dan Persatuan Farmaseutikal Singapura. Kandungannya tidak menggambarkan ketersediaan ubat dan maklumat bekalan di farmasi dan institusi penjagaan kesihatan. Anda dinasihatkan untuk bertanya kepada institusi-institusi berkenaan untuk mendapatkan maklumat tersebut.*